



UNTUK SIARAN SEGERA

Anugerah Enterpris 50 2016 Iktiraf Kejayaan Usahawan

KUALA LUMPUR, 9 Disember 2016 – SME Corp. Malaysia telah mengumumkan 10 pemenang utama Anugerah Enterprise 50 (E50) di Sunway Putra Hotel, hari ini. Pengumuman ini telah dibuat oleh YBhg. Datuk (Dr) Hafsa Hashim, Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia, pada satu sidang akhbar. Sebanyak 1,355 syarikat dengan penarafan 4 dan 5 bintang di dalam Penilaian Penarafan Daya saing PKS bagi Peningkatan (SCORE) telah dijemput untuk menghantar pencalonan, yang mana hanya 50 syarikat terbaik akan menerima anugerah ini. Semua syarikat ini telah melalui proses penilaian yang ketat, berdasarkan pelbagai parameter, antar lain termasuk proses pengurusan; inovasi, strategi pasaran, penggunaan teknologi; hasil eksport; pelaburan dalam modal, latihan dan penyelidikan.

Dengan tema “*Celebrating Malaysia’s Enterprising Spirit*”, Anugerah E50 2016 dianjurkan untuk kali ke-19 semenjak mula diperkenalkan pada tahun 1997. Melalui kerjasama erat di antara SME Corp. Malaysia, Deloitte Malaysia dan rakan strategik seperti MIDF, TM, RHB serta Media Prima dan Malaysia SME sebagai rakan media, anugerah berprestij ini kembali dengan visi yang lebih besar untuk menampilkan perniagaan yang terbaik dari yang terbaik. Anugerah E50 telah terbukti sebagai satu inisiatif perkongsian awam-swasta yang efektif di dalam mempamerkan kejayaan PKS di Malaysia seterusnya mengenengahkan jenama Malaysia di mata dunia.

Di dalam keadaan persekitaran ekonomi mencabar yang dihadapi oleh PKS, tahun ini para penerima anugerah telah menunjukkan prestasi perniagaan yang meyakinkan dan berdaya tahan di mana 70% daripada penerima anugerah E50 tahun ini telahpun menembusi pasaran luar dan SME Corp. Malaysia optimis bilangan ini akan meningkat dari masa ke masa. Ini adalah selari dengan agenda Kerajaan di dalam mempromosikan pengantarabangsaan PKS di Malaysia bagi mencapai sasaran 41% sumbangan kepada KDNK, 65% sumbangan di dalam guna tenaga dan 23% di dalam eksport ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Buat julung kalinya, satu kategori baru iaitu “E50 Women Entrepreneur Award” telah diperkenalkan pada tahun ini, dengan sasaran untuk mempromosikan usahawan wanita sebagai usahawan contoh, menetapkan piawai pencapaian kepada semua syarikat untuk terus maju tanpa mengira jantina.

10 penerima utama Anugerah E50 pada tahun ini adalah Exis Tech Sdn Bhd, Hexa Food Sdn Bhd, IX Telecom Sdn Bhd, Koyoko M P Sdn Bhd, MY CO2 Sdn Bhd, PRM Foods & Marketing Sdn Bhd, Sin Sing Coffee Sdn Bhd, Siti Khadijah Apparel Sdn Bhd, ST Tiew Dental Group Sdn Bhd dan Top-Mech Provincial Sdn Bhd. Berdasarkan kepada analisa yang telah dikongsikan oleh Deloitte Malaysia sewaktu sesi Sidang Akhbar pada hari ini, sehingga kini, sebanyak 1,927 syarikat telah tercalon untuk anugerah ini di mana 664 daripadanya telah terpilih sebagai penerima anugerah. Daripada kelompok penerima anugerah ini, sebanyak 60 syarikat telah tersenarai di dalam Bursa Malaysia dengan 46 di Papan Utama dan 14 Pasaran ACE.

Para penerima anugerah akan diraikan di dalam satu Majlis Makan Malam Anugerah E50 yang akan disempurnakan oleh YAB Dato’ Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri. Selain daripada menikmati pelbagai manfaat dan ganjaran, setiap penerima anugerah akan secara automatik tercalon di dalam Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI) dan seterusnya mendapat pengiktirafan, sokongan dan jaringan perniagaan yang luas di antara ahli alumni E50 yang lain.

Di antara tetamu kehormat yang akan turut hadir pada Majlis Makan Malam Anugerah E50 ialah YB Dato’ Seri Ong Ka Chuan, Menteri Kedua Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), YB Datuk Ahmad Maslan, Timbalan Menteri (Industri) Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Tan Sri Ir. (Dr) Mohamed Al Amin Abdul Majid, Pengerusi SME Corp. Malaysia, YBhg. Dato’ Mohd Nizar Mohd Najib, Pengarah Eksekutif Deloitte Malaysia dan YBhg. Datuk (Dr) Hafsah Hashim, Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia.

-Tamat-

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Amy Sarah Ahmad Fuad di 03-2775 6352 (amysarah@smecorp.gov.my) atau Ahmad Mu'izz Mohd Yusof di 03-2775 6275 (muizzyusof@smecorp.gov.my).

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(SME CORP. MALAYSIA)

Level 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral,
Jalan Stesen Sentral 2,
Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia
Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

<http://www.smecorp.gov.my>
e-mail: info@smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.